

**PERKHIDMATAN RUJUKAN DAN MAKLUMAT DI
PERPUSTAKAAN TUN BADUL RAZAK 1. KAJIAN KES
TERHADAP PELAJAR-PELAJAR IJAZAH SARJANA
MUDA DARI FAKULTI PENGAJIAN MAKLUMAT
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**ROMI BIN RAMPUN @ RAMLAN
96144830**

Penyelidikan akademik yang diserahkan untuk memenuhi keperluan
Bagi Ijazah Sarjana Muda Pengajian Maklumat (Kepujian)

**FAKULTI PENGAJIAN MAKLUMAT
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)
SHAH ALAM, SELANGOR
MEI 2000**

**KANDUNGAN****PERKARA****M. SURAT**

KANDUNGAN.....	i.-iii
PENGHARGAAN.....	iv
SENARAI JADUAL.....	v
SENARAI RAJAH.....	vi-vii
ABSTRAK.....	viii

BAB 1**PENDAHULUAN**

1.1 Pengenalan.....	1-3
1.2 Objektif.....	3
1.3 Kepentingan Penyelidikan.....	4
1.4 Skop Penyelidikan.....	5
1.5 Definisi Istilah.....	6-8
1.6 Penyataan Masalah.....	8-9
1.7 Hipotesis.....	10

BAB 2

2.0 ULASAN HASIL PENULISAN	11-18
---	--------------



PENGHARGAAN

Assalamualaikum W.T.B.....

Dalam usaha menjalankan penyelidikan ini, penyelidik terlebih dahulu memanjatkan kesyukuran kehadiran ALLAH S.W.T kerana dengan limpah kurnianya dan keiziniannya dapat juga penyelidik menyiapkan laporan penyelidikan ini. Di sini penyelidik ingin merakamkan jutaan terima kasih dan penghargaan kepada individu perseorangan dan pihak-pihak tertentu yang sudi memberikan kerjasama dan tunjuk ajar sehingga penyelidikan ini berjaya dilaksanakan

Di sini penyelidik ini mengambil kesempatan untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada Penelia Penyelidikan iaitu Yang Mulia Profesor Madya Dr. Raja Abdullah Raja Yaacob, yang banyak membantu dan bekerjasama dengan penyelidik di dalam menjayakan penyelidikan ini. Adalah tidak sedikit dan sukar untuk di nilai bentuk segala bantuan, tunjuk ajar, bimbingan serta curahan pengalaman yang diberikan oleh beliau dalam membimbing penyelidik sehingga penyelidikan ini berjaya di laksanakan

Kesempatan ini juga, penyelidik ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pelajar-pelajar Ijazah Sarjana Muda dari Fakulti Pengajian Maklumat yang sudi menjadi responden dan seterusnya menjawab/mengisi borang soal-selidik yang diberikan kepada mereka.

Tidak ketinggalan juga, penghargaan ini penyelidik tujukan kepada kedua ibubapa penyelidik yang sering memberikan sokongan moral dan kewangan di dalam membantu menyiapkan projek penyelidikan ini. Tidak juga dilupakan kepada teman-teman seperjuangan yang sentiasa memberikan semangat kepada penyelidik untuk meyiapkan projek penyelidikan ini.

Akhir sekali, baik bagi penyelidik untuk memohon ribuan ampun dan maaf di atas nama-nama perseorangan yang tidak dapat di sebutkan dan segala kekurangan atau kesilapan tingkahlaku yang mungkin telah penyelidik lakukan semasa menjayakan penyelidikan ini.

Sekian terima kasih.

Wassalam



ABSTRAK

Tujuan utama penyelidikan ini di lakukan adalah untuk meninjau sama ada pelajar-pelajar dari Fakulti Pengajian Maklumat Peringkat Ijazah Sarjana Muda menggunakan/mengetahui atau tidak segala kemudahan yang terdapat di Bahagian Perkhidmatan Rujukan dan Maklumat di Perpustakaan Tun Abdul Razak 1 (PTAR1). Penyelidik juga mengkaji peranan yang di berikan oleh Bahagian Perkhidmatan Rujukan dan Maklumat di PTAR1 di dalam membantu para-pelajar memperolehi maklumat yang diperlukan. Di samping itu, penyelidikan ini cuba menilai kembali koleksi Bahagian Rujukan sama ada memenuhi kehendak pelajar atau tidak. Tujuan yang seterusnya ialah untuk mengetahui adakah pelajar-pelajar menggunakan segala perkhidmatan yang di sediakan oleh pihak PTAR1. Kaedah yang di gunakan di dalam penyelidikan ini ialah kaedah "survey" melalui borang soal-selidik. Untuk mengukuhkan lagi penemuan yang di perolehi ini, penyelidik menggunakan kaedah Korelasi Sperman bagi membuktikan dua pembolehubah yang di kaji itu sama ada mempunyai hubungan yang kuat atau tidak serta kaedah pemerhatian oleh penyelidik sendiri. Borang soal selidik di edarkan oleh penyelidik dan di bantu oleh wakil setiap semester. Sebelum borang ini di edarkan, penyelidik telah melakukan ujian rintis kepada beberapa orang pelajar untuk menilai kefahaman mereka terhadap soalan-soalan yang di kemukan. Kaedah pengujian hipotesis ini adalah menggunakan Kaedah Statistical Package For Social Science bagi mempersembahkan penemuan yang di perolehi dalam bentuk graf. Sementara pengujian hipotesis melalui Korelasi Sperman adalah menggunakan Formula Kaedah Skor Bahan Mentah. Hasil daripada pengujian hipotesis ini di dapati layanan dan bantuan kakitangan Bahagian Rujukan dan Maklumat telah mempercepatkan dapatan pencarian maklumat yang di perlukan oleh para-pelajar. Ini bermakna hipotesis pertama penyelidik telah di terima. Hasil dari pengujian hipotesis kedua iaitu kekurangan promosi menyebabkan para-pelajar tidak tahu dan sedar tentang kewujudan Perkhidmatan Rujukan dan Maklumat di PTAR 1, menunjukkan bahawa kedua-dua pembolehubah di atas tidak mempunyai apa-apa hubungan. Jadi menunjukkan hipotesis kedua ini telah di tolak. Penyelidik telah membuktikan bahawa kekinian koleksi rujukan dan koleksi khusus telah mendorong pelajar-pelajar untuk membuat rujukan di bahagian ini. kekurangan alat Teknologi Maklumat di Perkhidmatan Teknologi Maklumat menyebabkan ramai yang tidak berpuas hati di kalangan pelajar-pelajar. Ini telah berjaya di buktikan oleh penyelidik melalui pengujian hipotesis yang keempat. Kesimpulan yang dapat di ambil ialah walaupun Bahagian Perkhidmatan Rujukan dan Maklumat ini telah berjaya membantu pelajar-pelajar mendapatkan maklumat yang di perlukan oleh mereka dan juga dapat menyediakan segala kemudahan yang di perlukan, namun terdapat beberapa perkhidmatan yang masih lagi perlu di perbaiki oleh Pihak PTAR 1 khususnya di Bahagian Rujukan dan Maklumat terutama Bahagian Teknologi Maklumat. Oleh itu di diharapkan pihak PTAR 1 khususnya Bahagian Rujukan dan Maklumat dapat menafaatkan penemuan-penemuan dan cadangan-cadangan yang di kemukan oleh penyelidik untuk meningkat lagi mutu perkhidmatan mereka.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Penyelidikan ini merupakan penyelidikan yang di adakan oleh pelajar-pelajar dari Fakulti Pengajian Maklumat ke atas Perkhidmatan Rujukan dan Maklumat di Perpustakaan Tun Abdul Razak 1. Penyelidikan yang akan di lakukan oleh penyelidik tertumpu kepada bahagian Perkhidmatan Rujukan dan Maklumat di Perpustakaan Tun Abdul Razak I.

Perpustakaan akademik di tubuhkan ialah untuk memberikan sokongan yang penuh terhadap masyarakat di dalam organisasi tersebut dan penyelidikan ini lebih banyak memberikan perhatian yang khusus kepada para-pelajar Ijazah Sarjana Muda dari Fakulti Pengajian Maklumat. Kedatangan mereka mempunyai kepentingan tersendiri seperti penyelidikan, kertas kerja, mencari bahan rujukan, tesis dan sebagainya..

Berdasarkan kepentingan itu, Perkhidmatan Rujukan dan Maklumat telah di wujudkan di perpustakaan ini bagi membantu pengguna-pengguna khususnya para-pelajar untuk mengakses maklumat yang diperlukan dengan cepat dan tepat. Seharusnya Perkhidmatan Rujukan dan Maklumat yang disediakan itu merupakan perkhidmatan yang benar-benar berkesan dan dapat memenuhi citarasa dan khendak pengguna.

Penyelidikan ini amat perlu di adakan untuk satu penyelidikan ke atas Perkhidmatan Rujukan dan Maklumat yang di sediakan oleh pihak perpustakaan terbabit. Ini bertujuan untuk memberi kesedaran kepada pengguna mengenai Perkhidmatan Rujukan dan Maklumat yang telah disediakan, agar dengan dengan ini pengguna dapat